



PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA (IKRAM)  
9, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sg Besi Indah,  
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan  
Tel:+603-89456999, +603-89453666. Faks: +603-89451772

Rujukan Kami: STAM/PI/01/2011

Tarikh: 7 Disember 2011

Kepada

Pengerusi  
Jawantkuasa Pendidikan Negeri  
Pertubuhan Ikram Malaysia.

Assalamualaikum w.b.t.,

Tuan,

### **PUSAT STAM IKRAM**

Semoga tuan di dalam pemeliharaan Allah swt dan dapat menjalankan amanah dakwah dengan cemerlang.

Sukacita di maklumkan bahawa Jawatkuasa Pusat IKRAM telah meluluskan penubuhan sebuah institusi di peringkat prauniversiti, iaitu Pusat STAM IKRAM, dibawah kendalian Jawatkuasa Pendidikan IKRAM.


2. Pengambilan pelajar kumpulan pertama Pusat ini ialah pada 9 Januari 2012.
3. Objektif utama penubuhan Pusat ini ialah untuk menyediakan para pelajar lepasan sekolah-sekolah menengah Islam rangkaian IKRAM dan anak-anak ahli IKRAM, untuk menyambung pengajian ke luar negara khususnya, dan dalam negara amnya, menggunakan Sijil STAM. Persediaan ini merangkumi aspek-aspek akademik (peperiksaan STAM), perkaderan dan tarbiyah serta kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Kumpulan pelajar pengambilan Januari 2012 akan menduduki peperiksaan STAM pada November 2012.
4. Untuk tahun 2012 ini, Pusat ini akan beroperasi di premis Kolej Intisar, Kajang dan pelajar akan ditempatkan di asrama berbentuk apartmen di kondominium berdekatan.
5. Sehubungan itu kami berharap pihak tuan dapat memastikan atau sekurang-kurangnya menggalakkan para pelajar lepasan sekolah rangkaian IKRAM dibawah pengurusan pihak tuan, mendaftarkan diri di Pusat ini sekiranya mereka ingin mengambil peperiksaan STAM.

6. Bersama ini dilampirkan maklumat lanjut mengenai Pusat ini. Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui talian telefon bernombor 019 7540410 atau alamat email '[k\\_gmama\\_1@yahoo.com](mailto:k_gmama_1@yahoo.com)'.

Sekian, untuk perhatian pihak tuan. Semoga amal kita di redhai Allah swt.

Jazakallahu khairan kathira, wassalam.

Yang menjalankan amanah,



(Kamaliah binti Noordin)

Timbalan Pengurus

Jawatankuasa Pendidikan IKRAM.

- s.k.     1. Yang di Pertua Negeri  
          2. Pengetua-pengetua SMI